

**HUBUNGAN AMALAN STRATEGI P&P GURU DENGAN MOTIVASI MURID
DALAM SKIM BAUCAR TUISYEN (SBT) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
DAERAH KOTA MARUDU,
SABAH**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

KHAIRUDDIN BIN JAMAL @ JASLEY BIN JAMARI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU**

2006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @**

JUDUL : Hubungan amalan strategi P & P guru dengan motivasi murid dalam Skim Baucar Tuisyen (SBT) di sekolah-sekolah rendah daerah Kota Marudu, Sabah

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2003 – 2005

Saya, KHAIRUDDIN BIN JAMAL @ JASLEY BIN JAMARI mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(Penulis: KHAIRUDDIN BIN JAMAL
@ JASLEY BIN JAMARI)

Alamat Tetap:

Kg. Damai,
Peti Surat 203,
89108 Kota Marudu,
Sabah.

Tarikh : 11 Mei 2006

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Tarikh : 11/5/06

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


.....
KHAIRUDDIN BIN JAMAL @ JASLEY BIN JAMARI
PS03-006(K)-114

09 DISEMBER 2005

PENGESAHAN

PENYELIA:

.....
ANUAR BIN DIN
SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

ABSTRAK

HUBUNGAN AMALAN STRATEGI P&P GURU DENGAN MOTIVASI MURID DALAM SKIM BAUCAR TUISYEN (SBT) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH KOTA MARUDU, SABAH

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan amalan strategi pengajaran dan pembelajaran guru dengan motivasi murid dalam SBT di sekolah-sekolah rendah daerah Kota Marudu, Sabah. Perkara yang dikenal pasti ialah perbezaan tahap motivasi murid berdasarkan jantina, perbezaan tahap motivasi berdasarkan pilihan murid terhadap mata pelajaran SBT paling lemah dan perbezaan tahap motivasi berdasarkan bantuan lain yang diterima selain SBT. Sampel kajian ialah seramai 256 orang, iaitu 200 orang adalah murid SBT, terdiri dari 108 lelaki dan 98 perempuan, manakala 56 orang lagi adalah guru tuisyen SBT iaitu 28 lelaki dan 28 wanita. Data telah dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik dan analisis data telah dijalankan dengan menggunakan perisian *SPSS for windows* versi 11.5. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada guru dalam amalan kaedah pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap Sederhana iaitu 75.00%; amalan pengurusan SBT, tahap Tinggi iaitu 71.43%; amalan strategi P&P guru SBT, pada tahap Sederhana iaitu 51.79%; dan tahap persepsi guru terhadap SBT, pada tahap Sederhana iaitu 71.42%. Kajian menggunakan ujian-t mendapati bahawa terdapat perbezaan tahap motivasi diri yang signifikan di kalangan murid terhadap tuisyen berdasarkan jantina ($F=.72$ yang signifikan pada aras signifikan 0.40 iaitu >0.05 . Nilai $t=-2.31$ pada aras signifikan 0.02 iaitu <0.05). Kajian menggunakan ANOVA Sehala mendapati bahawa terdapat perbezaan min motivasi diri secara signifikan ($F=2.70$, $p<0.05$, iaitu 0.03) terhadap kumpulan mata pelajaran SBT paling lemah, tetapi di antara pasangan mata pelajaran paling lemah tidak ada yang mempunyai min yang signifikan. Kajian menggunakan ANOVA Sehala kedua mendapati bahawa terdapat perbezaan min motivasi diri secara signifikan ($F=2.70$, $p<0.05$, iaitu 0.02) terhadap kumpulan yang menerima bantuan selain SBT yang berbeza, serta pasangan (SPBT dan KWAMP dengan SPBT, RMT dan KWAMP) mempunyai perbezaan min yang signifikan memandangkan nilai signifikannya ialah 0.04, iaitu <0.05 . Kajian ini keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap amalan strategi pengajaran dan pembelajaran guru telah menunjukkan hubungan negatif ($r=-.54^{**}$, signifikan pada aras 0.008 iaitu $p<0.01$) dengan motivasi diri murid SBT. Dapatan kajian menunjukkan aspek amalan strategi pengajaran guru SBT adalah elemen yang penting dalam pelaksanaan kelas tuisyen Skim Baucar Tuisyen dan perlu disesuaikan kepada tahap dan keperluan murid. Cadangan dan kajian lanjutan juga dinyatakan dalam kajian ini.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS TEACHING AND LEARNING STRATEGY PRACTICE AND STUDENTS MOTIVATION IN "SKIM BAUCAR TUISYEN" (SBT) FOR THE PRIMARY SCHOOLS IN THE DISTRICT OF KOTA MARUDU, SABAH.

*The purpose of this study to identify the relationship between teacher's teaching and learning strategy practice with student's motivation in SBT for the primary schools in the district of Kota Marudu, Sabah. The matter that identified is the difference of student's motivation level according to SBT subject, and other aid that received beside SBT. The research sample consisted 256 persons. 200 of them are students (108 male and 98 female) and 56 other persons are SBT teacher (28 male and 28 female). The research data is collected using questionnaire instrument and the data was analyzed using SPSS software for windows versions 11.5. The findings indicated that teacher's existed knowledge in teaching and learning method practice is in average level, 75.00%; SBT administration, high level, 71.43%; teaching and learning strategy practice of SBT teacher, average level, 51.79%; and teacher's perception level of SBT is in average rate, 71.42%. Analysis using t-test found that there is significant self-motivation difference among students according to gender. ($F=.72$ there is significant at significant level 0.40 that >0.05 value $t=-2.31$ at significant level 0.02 that <0.05) Analysis using One-way ANOVA indicated that there is significant different on self-motivation min. ($F=2.70$, $p<0.05$, that 0.03) on SBT weakest subject group but no significant min between weakest subject combination. Next, analysis using second One-way ANOVA found that the presence of significant self-motivation min difference ($F=2.70$, $p<0.05$, 0.02) on group that receive other aid (except SBT), with combination (SPBT, KWAMP with SPBT, RMT and KWAMP) have significant value 0.04, which is <0.05 . Overall, this research shows that teachers teaching and learning practice indicate strong negative relation ($r=-0.54^{**}$, significant at level 0.008, $p<0.01$) with SBT students self-motivation. Further research and suggestions are stated in this study.*

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah kerana dengan izinNya, pengkaji diberi kekuatan dan ilham untuk menyempurnakan disertasi sarjana ini mengikut perancangan awal.

Dalam usaha menyempurnakan disertasi ini, pengkaji telah terhutang budi kepada banyak pihak. Pengkaji mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. **ANUAR BIN DIN** yang sentiasa sabar dan tenang dalam memberi bimbingan, galakan dan tunjuk ajar, serta perkongsian ilmu selaku penyelia disertasi ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak terutamanya Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah; Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah; Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial; pensyarah-pensyarah (Dr. Sabariah Sharif, pensyarah kursus *TT6013 Asas-Asas Pendidikan*; Dr. Edward M. Tionsu, pensyarah kursus *TT6063 Pengurusan Sekolah*; Prof. Madya Dr. Vincent Pang, pensyarah kursus *TT6033 Penilaian Dalam Pendidikan*; Prof. Dr. Shukery Mohamed, pensyarah kursus *TT6083 Perhubungan Sekolah Dengan Komuniti* dan kursus *TT6093 Perancangan Strategik*; Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid, pensyarah kursus *TT6023 Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*; Mr. Tan Choon Keong, pensyarah kursus *TT6043 Teknologi Maklumat dalam Pendidikan*; Tn. Hj. Mohd Yusoff Abdullah, pensyarah kursus *TT6073 Pengurusan Kualiti Dalam Pendidikan*; Prof. Dr. Mohd Adam Bakar, pensyarah kursus *TT6113 Pengurusan Kewangan*; dan Prof. Madya Dr. Zulkifli B. Mohamed, pensyarah kursus *TT6053 Pengurusan Pendidikan*) yang telah banyak memberi ilmu pengetahuan dan bimbingan sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah dan tidak saya lupakan kepada semua staf Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Sabah, guru-guru besar, guru-guru SBT dan murid-murid SBT yang telah memberikan kebenaran serta kerjasama untuk membolehkan kajian ini dijalankan.

Pengkaji juga amat menghargai pertolongan, kerjasama dan dorongan daripada isteri dan anak-anak tercinta, sahabat seperjuangan khususnya kepada Cik Ana Liew, Pn. Junaidah Baharuddin dan En. Rosin Panggaton, staf-staf Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Sumber Jabatan Pelajaran Sabah, Pusat Sumber PKG Kota Marudu Sabah, Pusat Sumber Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Perpustakaan Universiti Putera Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lain lagi sehingga disertasi ini dapat disiapkan dengan lancar.

Akhirnya semoga segala pertolongan, bantuan serta sumbangan yang diberikan itu mendapat ganjaran baik dari Allah S.W.T.

Sekian dan Wassalam.

Khairuddin Bin Jamal @ Jasley Jamari (PS03-06(K)-114)

SINGKATAN

SBT	Skim Baucar Tuisyen
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
KMD	Kajian Masa Depan
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
PSS	Program Susu Sekolah
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
KWAMP	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
BM	Bahasa Melayu
BI	Bahasa Inggeris
M3	Matematik
SN	Sains
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
AS	Amat Setuju
S	Setuju
SS	Sederhana Setuju
TS	Tidak Setuju
ATS	Amat Tidak Setuju
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i> (Analisis Varian)
SPSS	'Statistical Package for Social Science'

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SINGKATAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 <i>Sasaran Skim Baucar Tuisyen (SBT)</i>	4
1.2.2 <i>Objektif Skim Baucar Tuisyen (SBT)</i>	5
1.2.3 <i>Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen (SBT)</i>	5
1.2.4 <i>Khidmat Tuisyen</i>	7
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	13
1.5.1 <i>Objektif Umum</i>	13
1.5.2 <i>Objektif Khusus</i>	13
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Batasan Kajian	17
1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 <i>Amalan</i>	19

1.9.2 <i>Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran</i>	19
1.9.3 <i>Skim Baucar Tuisyen</i>	20
1.9.4 <i>Motivasi</i>	20
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	20
2.1 Pengenalan	24
2.2 Konsep Kelas Tuisyen	24
2.3 Objektif Mata Pelajaran Dalam Kelas Tuisyen SBT	25
2.3.1 <i>Objektif Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah</i>	26
2.3.2 <i>Objektif Pembelajaran Bahasa Inggeris Sekolah Rendah</i>	27
2.3.3 <i>Objektif Pembelajaran Sains Sekolah Rendah</i>	27
2.3.4 <i>Objektif Pembelajaran Matematik Sekolah Rendah</i>	28
2.4 Konsep Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kelas Tuisyen	30
2.4.1 <i>Aktiviti Pemulihan</i>	30
2.4.2 <i>Aktiviti Pengayaan</i>	32
2.4.3 <i>Pembelajaran Masteri</i>	34
2.4.4 <i>Pembelajaran Kontekstual</i>	34
2.4.5 <i>Pembelajaran Secara Konstruktivisme</i>	35
2.4.6 <i>Pembelajaran Akses Kendiri</i>	36
2.4.7 <i>Penilaian Kendalian Sekolah</i>	37
2.4.8 <i>Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan</i>	38
2.4.9 <i>Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi</i>	39
2.4.10 <i>Penggunaan Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam P&P</i>	40
2.4.11 <i>Cadangan Lain Amalan Strategi P&P Kelas Tuisyen</i>	43
2.5 Konsep Motivasi	49
2.6 Faktor-faktor Penting Dalam Pentadbiran Kurikulum	50
2.7 Kajian Lepas	53
2.7.1 <i>Kajian Dalam Negara</i>	53
2.7.2 <i>Kajian Luar Negara</i>	56
2.8 Kerangka Teoritikal	59
2.8.1 <i>Teori Motivasi Pencapaian McClelland</i>	59



2.8.2 <i>Teori Hierarki Keperluan Maslow</i>	60
2.8.3 <i>Teori Jangkaan Guru</i>	61
2.9 Rumusan	62
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	63
3.1 Pengenalan	63
3.2 Reka bentuk kajian	63
3.2.1 <i>Kerangka Konseptual Kajian</i>	64
3.3 Tempat Kajian	65
3.4 Populasi Kajian Dan Sampel Kajian	66
3.4.1 <i>Populasi Kajian</i>	66
3.4.2 <i>Sampel Kajian</i>	66
3.5 Instrumen Kajian	68
3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	72
3.7 Kajian Rintis	72
3.8 Prosedur Kajian	74
3.9 Penganalisan Data	76
3.9.1 <i>Statistik Deskriptif</i>	76
3.9.2 <i>Statistik Inferensi</i>	78
<i>i. Ujian-t Tidak Bersandar</i>	80
<i>ii. Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala</i>	80
<i>iii. Ujian Korelasi Pearson 'r'</i>	81
3.10 Proses Penganalisan Dan Pentafsiran Data	82
3.11 Rumusan	83
BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	84
4.1 Pengenalan	84
4.2 Analisis Awalan	85
4.2.1 <i>Ciri-Ciri Demografi Murid</i>	85

4.2.1.1 <i>Jantina</i>	85
4.2.1.2 <i>Mata Pelajaran SBT Paling Lemah</i>	86
4.2.1.3 <i>Bantuan Selain SBT</i>	86
4.2.2 <i>Ciri-Ciri Demografi Guru</i>	87
4.2.2.1 <i>Jantina</i>	87
4.2.2.2 <i>Kelayakan Guru</i>	87
4.2.2.3 <i>Pengalaman Mengajar</i>	88
4.3 Analisis Data Persoalan Kajian	88
4.3.1 <i>Analisis Persoalan Kajian Pertama "Apakah tahap pengetahuan sedia ada guru tuisyen SBT dalam amalan kaedah pengajaran seperti yang dicadangkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) berdasarkan persepsi guru tuisyen SBT?"</i>	89
4.3.2 <i>Analisis Persoalan Kajian Kedua "Apakah tahap amalan pengurusan kelas tuisyen SBT di sekolah-sekolah rendah, daerah Kota Marudu, Sabah berdasarkan persepsi guru tuisyen SBT?"</i>	89
4.3.3 <i>Analisis Persoalan Kajian Ketiga "Apakah tahap amalan strategi pengajaran dan pembelajaran guru untuk memotivasi murid dalam kelas tuisyen SBT di sekolah-sekolah rendah daerah Kota Marudu, Sabah?"</i>	90
4.3.4 <i>Analisis Persoalan Kajian Keempat "Apakah persepsi guru tuisyen SBT terhadap pelaksanaan kelas tuisyen SBT di sekolah-sekolah rendah daerah Kota Marudu, Sabah?"</i>	91
4.3.5 <i>Analisis Persoalan Kajian Kelima "Apakah tahap motivasi diri murid yang telah mengikuti kelas tuisyen SBT di sekolah-sekolah rendah daerah Kota Marudu, Sabah?"</i>	92
4.3.6 <i>Analisis Persoalan Kajian Keenam "Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi diri murid yang mengikuti kelas tuisyen SBT berdasarkan jantina?"</i>	93
4.3.7 <i>Analisis Persoalan Kajian Ketujuh "Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi diri murid yang mengikuti kelas tuisyen SBT berdasarkan mata pelajaran tuisyen SBT (BM, BI, SN dan M3) yang berbeza yang dipilih oleh murid SBT sebagai mata pelajaran</i>	

mereka paling lemah?"	94
4.3.8 <i>Analisis Persoalan Kajian Lapan "Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi diri murid yang mengikuti kelas tuisyen SBT berdasarkan bantuan lain diterima selain SBT (iaitu bantuan SPBT, RMT dan KWAMP) yang berbeza?"</i>	96
4.3.9 <i>Analisis Persoalan Kajian Sembilan "Adakah terdapat hubungan antara amalan strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru tuisyen SBT untuk memotivasi murid dalam kelas tuisyen SBT dengan tahap motivasi diri murid yang mengikuti kelas tuisyen SBT?"</i>	98
4.4 Rumusan	100
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	101
5.1 Pengenalan	101
5.2 Rumusan dan Perbincangan	101
5.2.1 <i>Tahap Pengetahuan Sedia Ada Guru Tuisyen SBT Dalam Amalan Kaedah P&P</i>	101
5.2.2 <i>Tahap Amalan Pengurusan Kelas Tuisyen SBT Di Sekolah</i>	102
5.2.3 <i>Tahap Amalan Strategi P&P Guru Untuk Memotivasi Murid Dalam Kelas Tuisyen SBT</i>	103
5.2.4 <i>Tahap Persepsi Guru Tuisyen SBT Terhadap pelaksanaan Kelas Tuisyen SBT Di Sekolah</i>	104
5.2.5 <i>Tahap Motivasi Diri Murid Yang Telah Mengikuti Kelas Tuisyen SBT Di Sekolah</i>	105
5.2.6 <i>Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Tahap Motivasi Diri Murid Yang Mengikuti Kelas Tuisyen SBT Berdasarkan Jantina</i>	106
5.2.7 <i>Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Tahap Motivasi Diri Murid Yang Mengikuti Kelas Tuisyen SBT Berdasarkan mata pelajaran tuisyen SBT (BM, BI, SN dan M3) yang berbeza yang dipilih oleh murid SBT sebagai mata pelajaran mereka paling lemah</i>	106
5.2.8 <i>Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Tahap Motivasi Diri Murid Yang Mengikuti Kelas Tuisyen SBT Berdasarkan Bantuan Lain Diterima Selain SBT (iaitu bantuan SPBT, RMT dan KWAMP) Yang Berbeza</i>	107

<i>5.2.9 Terdapat hubungan antara amalan strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru tuisyen SBT untuk memotivasi murid SBT dalam kelas tuisyen dengan tahap motivasi diri murid yang mengikuti kelas tuisyen SBT</i>	107
5.3 Cadangan	109
5.4 Kesimpulan	110
BIBLIOGRAFI	111
LAMPIRAN	116
Lampiran A Borang Soal Selidik	
Lampiran B Surat kebenaran menjalankan penyelidikan	
Lampiran C Korelasi Pemboleh ubah tak bersandar dan pemboleh ubah bersandar	
Lampiran D Borang Analisis Guru Skim Baucar Tuisyen (Borang SBT2)	

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Jumlah peruntukan dan penerima program bantuan dari Kementerian Pelajaran, 2001 - 2004	4
Jadual 2.1: Lapan Kecerdasan Pelbagai	41
Jadual 3.1: Agihan Set Soal Selidik Ke Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Kota Marudu 2005	66
Jadual 3.2: Instrumen Soal Selidik (Guru Skim Baucar Tuisyen)	69
Jadual 3.3: Instrumen Soal Selidik (Murid Skim Baucar Tuisyen)	70
Jadual 3.4: Penentuan Julat Skor Dan Tahap Bagi Soal Selidik 11 Item	71
Jadual 3.5: Penentuan Julat Skor Dan Tahap Bagi Soal Selidik 12 Item	71
Jadual 3.6: Penentuan Julat Skor Dan Tahap Soal Selidik Bagi 21 Item	72
Jadual 3.7: Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Instrumen (Sampel Guru)	74
Jadual 3.8: Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Instrumen (Sampel Murid)	74
Jadual 3.9: Jadual data deskriptif (Soal Selidik Murid SBT)	77
Jadual 3.10: Jadual data deskriptif (Soal Selidik Guru SBT)	77
Jadual 3.11: Persoalan kajian (1 - 5) dan Rumusan Penentuan Tahap	78
Jadual 3.12: Hipotesis Nul Dan Cadangan Jenis Ujian Statistik (Arahan SPSS) Yang digunakan	79
Jadual 3.13: Data pemboleh ubah inferensi	80
Jadual 3.14: Interpretasi Davis (1971) dalam Analisis Hubungan / korelasi	81
Jadual 4.1: Taburan Pengagihan Soal selidik (Murid)	84
Jadual 4.2: Taburan Pengagihan Soal selidik (Guru)	85
Jadual 4.3: Taburan Sampel Mengikut Jantina (Murid)	85
Jadual 4.4: Taburan sampel mengikut pilihan salah satu mata pelajaran SBT yang diikuti pada tahun 2005 yang mereka paling lemah	86



Jadual 4.5: Taburan sampel mengikut bentuk bantuan lain selain SBT yang diterima di sekolah pada tahun 2005	87
Jadual 4.6: Taburan Sampel Mengikut Jantina (Guru)	87
Jadual 4.7: Taburan Sampel (Guru) Mengikut Kelayakan	88
Jadual 4.8: Taburan sampel (guru) mengikut pengalaman mengajar	88
Jadual 4.9: Tahap Pengetahuan Sedia Guru Dalam Amalan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	89
Jadual 4.10: Tahap Amalan Pengurusan SBT	90
Jadual 4.11: Amalan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Guru SBT	91
Jadual 4.12: Tahap persepsi guru terhadap SBT	92
Jadual 4.13: Tahap Motivasi Diri Murid SBT	92
Jadual 4.14: Ujian-t Tahap Motivasi Diri Murid Berdasarkan Jantina	94
Jadual 4.15: Analisis Varian Sehala Tahap Persepsi Motivasi Diri Murid Terhadap Mata Pelajaran SBT Paling Lemah	95
Jadual 4.16: Dapatan Ujian <i>Post Hoc</i> (ANOVA) <i>Tukey HSD</i> untuk mengetahui Pasangan Kumpulan Mata Pelajaran SBT Paling Lemah Manakah Yang Sebenarnya Berbeza Secara Signifikan	96
Jadual 4.17: Analisis Varian Sehala Tahap Motivasi Diri Murid Berdasarkan Bantuan Lain Diterima Selain SBT Yang Berbeza Adalah Diterima	97
Jadual 4.18: Dapatan Ujian <i>Post Hoc</i> (ANOVA) <i>Tukey HSD</i> untuk mengetahui Pasangan Kumpulan Bantuan Selain SBT Manakah Yang Sebenarnya Berbeza Secara Signifikan	97
Jadual 4.19: Keputusan Korelasi Hubungan Di Antara Amalan Strategi Pengajaran Guru SBT dengan Motivasi Diri Murid Mengikut Min Berdasarkan Sekolah.	99

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 : Faktor-faktor penting sesebuah organisasi	50
Rajah 2.2 : Hubung kaitan kecekapan seseorang guru	52
Rajah 2.3 : Hierarki Keperluan Asas Maslow	60
Rajah 3.1 : Kerangka Konseptual Kajian	65

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Ibu bapa yang mempunyai kemampuan dari segi kewangan telah lama mengamalkan budaya menghantar anak ke pusat-pusat tuisyen. Fenomena ini banyak berlaku di kawasan bandar, pekan dan perumahan yang banyak terdapat pusat-pusat tuisyen persendirian atau swasta. Manakala kategori pelajar atau murid yang mendapatkan tuisyen ini pula bermula dari sekolah rendah hingga ke menengah atas. Keghairahan ibu bapa menghantar anak ke pusat tuisyen ini jika dilihat secara positif mempunyai motif yang sama iaitu ingin agar anak mereka mendapat perhatian secara individu untuk membantu mereka bermotivasi mencapai kejayaan di dalam pelajaran. Ini turut disokong oleh kajian Lee (1989) terhadap tujuan utama pelajar yang mengikuti kelas tuisyen persendirian, antaranya sebahagian besarnya adalah untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Namun begitu, tidak semua ibu bapa berkemampuan menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat tuisyen persendirian atau swasta yang perlu dibayar pada kadar bayaran atau yuran tertentu. Kajian Jamaliah (1993) mendapati hanya sebilangan kecil murid yang berpeluang menghadiri kelas pelajaran tambahan (tuisyen) disebabkan murid-murid di luar bandar di batasi oleh taraf sosioekonomi keluarga yang rendah. Kata lainnya, kemiskinan ibu bapa menghalang sebilangan besar murid untuk mengikuti kelas tuisyen dan hanya sebilangan kecil sahaja yang mampu menghadiri kelas-kelas tuisyen yang memerlukan sejumlah bayaran.

Selain dari pusat tuisyen swasta, murid-murid juga berpeluang mendapatkan tuisyen melalui inisiatif pihak sekolah yang menyedari kepentingan kelas tuisyen dan sebagai strategi kecemerlangan akademik murid mereka dengan memperkenalkan kelas tambahan di luar waktu sekolah untuk membolehkan guru-guru sekolah membimbing murid-murid secara tidak berbayar. Ini menunjukkan bahawa sudah ada guru-guru yang secara suka rela dan tanpa sebarang bayaran melaksanakan kelas tuisyen kepada murid-murid di sekolah. Kenyataan ini turut disokong oleh Abd Rahim (1984) dan dipetik semula oleh Anita (1990) yang menyatakan tujuan kelas tambahan yang sama di atas diadakan di sekolah.

Sehubungan dengan itu, Mahzan (2004) berpendapat langkah kerajaan memperkenalkan Skim Baucar Tuisyen adalah satu landasan yang baik bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan atau pelajar miskin untuk mendapatkan tuisyen dari pusat tuisyen. Dalam kelas tuisyen Skim Baucar Tuisyen, pelajar juga sebenarnya perlu membayar yuran dalam kadar tertentu tetapi segala kos bayaran atau yuran akan dibayar dengan menggunakan peruntukan skim bantuan tuisyen yang diperoleh daripada bantuan kerajaan.

Kadir (2003) memetik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung Skim Baucar Tuisyen adalah satu lagi bantuan kerajaan kepada pelajar selepas *Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)*, *Program Susu Sekolah (PSS)* dan *Rancangan Makanan Tambahan (RMT)*, *Bantuan Sekali (one-off)* RM120 kepada pelajar miskin untuk membeli pakaian dan kasut sekolah, serta pelbagai bantuan lain seperti *Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP)* dan biasiswa. Dalam hal yang sama sepanjang tempoh tahun 2001 – 2004, sejumlah RM2,265.8 juta telah diagihkan oleh kerajaan, dan telah memanfaatkan sejumlah 8.19 juta pelajar (Pengurusan Ekonomi dan Prospek, 2005: 19). Untuk pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen sahaja kerajaan mengumumkan peruntukan RM200 juta bagi membantu

kira-kira 500,000 murid miskin mengikuti kelas tambahan seluruh negara (Kadir, 2003).

Kenyataan di atas adalah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan, 2001 – 2010 merangkumi teras utama Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Ketiga (RRJP3) dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang saksama melalui peningkatan paras pendapatan dan kualiti hidup untuk golongan berpendapatan rendah berasaskan empat teras utama, seperti berikut: meningkatkan akses kepada pendidikan; meningkatkan peluang pendidikan yang lebih saksama; meningkatkan kualiti pendidikan; dan meningkatkan kecekapan dan kecemerlangan pengurusan pendidikan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), Skim Baucar Tuisyen (SBT) telah dicetuskan oleh YAB Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet 2003 – 2004 di Dewan Rakyat pada 20 September 2002. Manakala pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sempena lawatan beliau ke Kementerian Pelajaran pada 30 Disember 2003. Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen di Sekolah Rendah Kerajaan dan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan bermula pada minggu ke empat Mac 2004 iaitu berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2004, bertarikh 19 Februari 2004.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2004) menjelaskan bahawa bantuan di bawah Skim Baucar Tuisyen diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan bagi membolehkan murid daripada keluarga miskin menguasai pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran tertentu khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, iaitu melalui peluang bimbingan tambahan dan tuisyen berbentuk kelas pemulihan secara berstruktur dan

terancang kepada murid miskin yang berada pada tahun Empat, Lima dan Enam Sekolah Rendah Kerajaan dan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan.

1.2.1 Sasaran Skim Baucar Tuisyen (SBT)

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program sokongan seperti Jadual 1.1, dan salah satu daripada program sokongan tersebut adalah Skim Baucar Tuisyen yang bertujuan untuk membantu pelajar dari keluarga miskin bagi memastikan mereka memiliki akses yang saksama kepada peluang pendidikan (Laporan Ekonomi, 2005). Pada tahun 2004, sejumlah RM 168.8 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen dan telah diagihkan, dan memanfaatkan sejumlah 446, 381 ribu murid sebagai penerima atau sasarnya.

Jadual 1.1: Jumlah peruntukan dan penerima program bantuan dari Kementerian Pelajaran, 2001 - 2004

Program	Peruntukan (RM juta)	Pelajar
Rancangan Makanan Tambahan	499.4	2.13 juta
Program Susu Sekolah	64.4	1.98 juta
Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin	6.2	4,352
Bantuan <i>One-Off</i> RM120	208.4	1.7 juta
Skim Baucar Tuisyen	168.8	446,381
Skim Pinjaman Buku Teks	699.1	971,872
Biasiswa	619.5	961,044
Jumlah	2,265.8	8.19 juta

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Laporan Ekonomi 2005 (online)
<http://www.treasury.gov.my/le2005/BAB%201.pdf> 21/07/2005

Jumlah peruntukan bagi pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen yang besar ini adalah khusus atau disasarkan kepada murid tertentu iaitu berdasarkan kelayakan yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/2004. Secara ringkasnya, melalui Skim Baucar Tuisyen ini, setiap murid diperakukan oleh guru yang mengajar mata pelajaran *Bahasa Melayu* (BM), *Bahasa Inggeris* (BI), *Matematik* (M3) dan *Sains* (SN) sebagai lemah dan memerlukan bimbingan tambahan dalam mana-mana

bahagian, sub-topik atau topik dalam mana-mana atau kesemua mata pelajaran yang dinyatakan, serta disahkan dari keluarga miskin (dari kalangan keluarga berpendapatan bulanan RM530.00 dan ke bawah bagi Semenanjung, RM585.00 dan ke bawah bagi Sarawak dan RM685.00 dan ke bawah bagi Sabah/Labuan) warganegara Malaysia yang berada atau sedang belajar di Tahap Dua sekolah rendah berhak menerima bantuan Skim Baucar Tuisyen untuk mengikuti kelas tuisyen yang diadakan di pusat tuisyen (sekolah masing-masing).

1.2.2 *Objektif Skim Baucar Tuisyen (SBT)*

Merujuk Garis Panduan Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen dalam Kementerian Pelajaran Malaysia (2004) telah menyatakan objektif pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen adalah diharapkan: '*Contact hour*' murid dan guru akan bertambah; keyakinan dan motivasi murid untuk memperbaiki kelemahan mereka dan menguasai pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran akan meningkat; jurang pencapaian antara murid daripada keluarga miskin dan berada akan berkurangan; dan kadar penyertaan murid daripada keluarga miskin pada peringkat pendidikan yang lebih tinggi akan meningkat.

1.2.3 *Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen (SBT)*

Merujuk Garis Panduan Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen, peranan guru Skim Baucar Tuisyen selaku tenaga pengajar kelas tuisyen dalam pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen antaranya adalah berikut ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004):

- a. Guru Skim Baucar Tuisyen perlu mengenal pasti murid lemah atau terkebelakang dan memerlukan tuisyen dalam mana-mana mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains akan diberikan bantuan baucar tuisyen.

- b. Setiap murid diberi peruntukan berjumlah sembilan baucar bernilai RM90.00 untuk membayar guru tuisyen yang meliputi tiga puluh enam sesi di mana tempoh minimum tuisyen bagi setiap sesi adalah satu jam.
- c. Berdasarkan senarai murid yang layak menerima bantuan baucar, sekolah akan menubuhkan pusat tuisyen di bawah Skim Baucar Tuisyen di sekolah masing-masing dengan menyediakan jadual waktu tuisyen dan keperluan guru tuisyen.
- d. Di bawah Skim Baucar Tuisyen sekolah akan mengadakan kelas tuisyen untuk murid mereka sendiri. Guru yang memberikan tuisyen kepada murid ditentukan menurut budi bicara guru besar. Guru besar boleh menetapkan guru tuisyen sama ada dari kalangan guru yang mengajar murid itu sendiri atau dari kalangan guru dari sekolah lain.
- e. Perjalanan Skim Baucar Tuisyen di sekolah akan melibatkan kos operasi. Di bawah Skim Baucar Tuisyen peruntukan operasi tuisyen disalurkan ke sekolah pusat tuisyen pada kadar RM 20.00 setahun bagi setiap murid yang mengikuti tuisyen. Peruntukan ini adalah bagi membiayai: operasi tuisyen yang dijalankan oleh sekolah yang termasuklah kertas dan percetakan sekolah, bahan mengajar tuisyen bagi guru seperti kapur dan pen papan putih pada kadar RM 5.00 bagi setiap murid Skim Baucar Tuisyen setahun; dan penyediaan lembaran kerja atau *hand-outs* atau fotokopi yang diberikan kepada murid pada kadar RM 15.00 bagi setiap murid Skim Baucar Tuisyen setahun.
- f. Setiap guru Skim Baucar Tuisyen dihadkan mengajar tuisyen kepada dua kelas bagi mana-mana dua mata pelajaran atau empat kelas bagi mana-mana satu mata pelajaran.
- g. Baucar yang diterima daripada ibu bapa sebagai tuisyen boleh ditunaikan oleh guru Skim Baucar Tuisyen daripada sekolah yang menjadi pusat tuisyen Skim

Baucar Tuisyen melalui tuntutan bulanan yang disertakan bersama baucar tersebut.

- h. Guru Skim Baucar Tuisyen hendaklah melaksanakan kaedah tuisyen yang sesuai untuk memulihkan kelemahan murid supaya murid dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran asas mata pelajaran. Usaha ini termasuklah menyediakan lembaran kerja atau *hand-outs* atau fotokopi kepada murid Skim Baucar Tuisyen bagi tujuan tuisyen.
- i. Jika bahan-bahan tersebut tidak disediakan oleh sekolah dan disediakan sendiri oleh guru, maka guru tuisyen boleh menuntut kos penyediaan bahan tersebut setiap bulan daripada sekolah yang menjadi pusat tuisyen dengan menyertakan resit.
- j. Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen oleh sekolah memberikan guru besar budi bicara dalam memutuskan dan menyelaraskan tentang perkara-perkara berikut di sekolah masing-masing: pemilihan murid; bilangan baucar yang diperlukan oleh murid; pemilihan guru tuisyen; pelaksanaan kelas tuisyen; dan menentukan sasaran (TOV) tuisyen yang hendak dicapai.
- k. Bagi menentukan Skim Baucar Tuisyen dilaksanakan dengan lancar di sekolah, pihak sekolah hendaklah menubuahkan Jawatankuasa Skim Baucar Tuisyen Sekolah bertujuan membantu guru besar merancang, melaksana dan memantau Skim Baucar Tuisyen di sekolah. Jawatankuasa Skim Baucar Tuisyen Sekolah boleh dianggotai oleh guru-guru dan wakil PIBG.


1.2.4 Khidmat Tuisyen

Garis Panduan Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen, Kementerian Pelajaran Malaysia (2004) juga menyatakan pelaksanaan khidmat tuisyen yang perlu diambil tindakan khususnya oleh guru-guru Skim Baucar Tuisyen iaitu antaranya adalah berikut ini:

RUJUKAN

a. Buku

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1999. *Profesionalisme motivasi pengurusan bilik darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Abul Hassan bin Kasim. 1998. *Panduan penyelidikan dalam sains sosial*. Johor, Fakulti Pendidikan: UTM
- Achenbach. 1991. *Child Behavior Checklist (CBCL)*: 4 –18.
- Ahmad Atory Hussain. 1996. *Pengurusan sumber dalam organisasi awam dan swasta*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Ainon Mohd. 2003. *Panduan Menggunakan Teori Motivasi di tempat kerja*. Bentong: Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Alias Baba. 1992. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary. D., Jacobs. 1990. *Introduction to Research*. Ed. 4. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston, INC.
- Atan Long. 1982. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Bleach K. 1999. *The Induction and Mentoring of Newly Qualified Teachers: A New Deal for Teachers*. David Fulton.
- Brophy. 1983. Fostering Student learning and motivation in the elementary school classroom. Dalam Paris, S Olson, G & Stevenson. (Eds). *Learning and motivation in the classroom*. Hillsdale: N.J. Cilbaum.
- Cates, W.M. 1985. *Panduan amali untuk penyelidikan*. Diterjemahkan Syaharom Abdullah. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia. (Teks asal dalam bahasa Inggeris)
- Crow and Crow . 1980. *Psikologi pendidikan Untuk perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davis, J.A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Ee Ah Meng. 2003. *Kursus Perguruan Lepas Ijazah: Ilmu Pendidikan (Semester I)*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Feldman, R. S.. 1996. *Understanding psychology*. Ed. Ke-4. United States: McGraw-Hill, Inc.
- Gary D. Borich & Martin L. Tombari. 1997. *Educational psychology (a contemporary approach)*. United States: Addison-Wesley Educational Publishers, Inc.



- Gaya UMS. 2004. *Panduan Penulisan Ilmiah Gaya UMS*. Pusat Pengajian Pascasiswazah: Universiti Malaysia Sabah.
- Grimm, L.G. 1993. *Statistical Applications for the Behaviour Sciences*. New York: John Wiley & Son.
- Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh. 2005. *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah: Aspek-aspek yang berkaitan*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Kumar, R. 1999. *Research Methodology: A Step-by-step Guide for Beginners*. London: Sage Publications.
- Johnson, Dupius, Musial, Hall & Gollnick. 1997. *Introduction to the foundations of American education*. Ed. Ke-10. Boston: Allyn & Bacon.
- Maslow, A.H.. 1943. *A theory of human motivation psychology review*. New York: Harper and Row.
- Marcy P.D. 1994. *Psychology of learning for instruction*. Gould Street: A Division Of Paramount Publishing, Inc.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim *et al*. 1992. *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah*. Kuala Lumpur: DBP dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar. 1996. *Perkembangan dan haluan kurikulum pendidikan Malaysia*. Edisi Pertama. KL: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd. Makhbul. 2002. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Mc. Graw Hill.
- Mohd. Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. 2003. *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI Komponen 3: Profesionalisme Keguruan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Muhammad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Sekudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Myrick. Robert D. 1987. *Bimbingan & Kaunseling Perkembangan: Pendekatan yang Praktis*. (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Ahmad. 1996. *Kaunseling Remaja: Pengalaman Peribadi Seorang Kaunselor*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Norusis, M.J., & SPSS Ins. (1993) *SPPS for windows: Base System user's guide*. Chicago: SPSS Ins.
- Nunally, J. C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill.



- Omardin Ashaari. 1998. *Peranan, tugas dan tanggungjawab guru di sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Oskamp, S. 1977. *Attitudes and Opinion*. New Jersey: Prentice Hall.
- Pintrich, P.R. & Schunk, D. H.. 1996. *Motivation in education: theory, research and applications*. Englewood Cliffs, N.J. : Prentice-Hall, Inc.
- Rohana Yusof. 2003. *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1992. *Psikologi perkembangan untuk bakal guru*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Spaulding, C.L. 1992. *Motivation in The Classroom*. New York: McGraw Hill.
- Sulaiman Ngah Razali. 1996. *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suradi Salim. 1996. *Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sharifah Alwiah Al-Sagoff. 1990. *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Einemann
- Syed Abu Bakar Syed Akil. 1997. *Bimbingan Khas Perkhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Azmi Ramlie. 1991. *Pengurusan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu. 2003. *Analisis Data Berkomputer: SPSS 11.5 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Zainal Abidin Deen. 1986. *Pentadbiran dan Pengelolaan Pendidikan Pemulihan Di Peringkat Negara, Negeri dan Sekolah*. Bahagian Sekolah-Sekolah: Kementerian Pelajaran Malaysia.

b. Buku Panduan / Modul /Pekeliling

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2004*

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004a. *Garis Panduan Pelaksanaan Skim Baucar Tuisyen (SBT)*.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 1992. *Buku Panduan AM KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 1984. *Buku Panduan Program Pemulihan KBSR Tahap Satu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 1999. *Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001a. *Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001b. *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001c. *Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001d. *Pengajaran Berasaskan Kajian masa Depan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001e. *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001f. *Pembelajaran Secara Kontekstual*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001g. *Pembelajaran Akses Kendiri*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001h. *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001i. *Penilaian Kendalian Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001j. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001k. *Pembelajaran Masteri*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

c. Jurnal

Blumenfeld, P.C.. 1991. Classroom learning and motivation clarifying and expanding goal theory. *Journal Of Educational*. 84 (3), 272-281.

Harris, M. 1980. Roles a tutor plays: Effective tutoring techniques. *English Jurnal*, 69(9): 62-65.

Husen, Torsten. 1985. 'Tutoring as a teaching method'. The International Encyclopedia of Education, V.9, 5314 – 5316.

- Jamali Ismail. (1992). Sikap, motivasi dan pencapaian dalam pemelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 36(11): 1071-1078.
- Keller, J.M.. 1987. Strategies for stimulating the motivation to learn. *Performance and instruction*. Hlm 1-7
- Koh Boh Boon. 1986. Kebolehdidikan dan Pendidikan Pemulihan. *Jurnal KPM*, (69)
- Lewis, E. 2001. Research and Teaching: Condition for a positive Link. *Teaching in Higher Education*. 6: 43-55
- Lytle, J.H. 2000. Teacher Education at the Millennium. *Jurnal of Teacher Education*. 51(3): 174-179
- Mansour A Hussein. 1987. Private Tutoring – A Hidden Education Problem, *Education Study Mathematics*, Vol.18: 91, Feb 1987
- Sindelar, J.P. 1983. Time use and activities in Junior High Classes. *Journal of Education Research*, 76:140-47
- d. Tesis / Latihan Ilmiah**
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1984. *Satu kajian mengenai fungsi dan peranan sekolah dari perspektif ibu bapa*. Dissertation (M.Ed.) - Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya
- Abdul Ghani Ishak. 1994. *Stail Kepemimpinan Pengetua Sekolah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan dan Kaitannya Dengan Kepuasan Kerja di Kalangan Guru*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Anita Ak Martin Mon. 1990. *Kelas Tuisyen dan Faedahnya Dalam Pencapaian akademik*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Godomon, Richard David. 1999. *Hubungan Kelas Tuisyen dan Pendekatan Belajar Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Fizik Moden (Kajian Di Dua Buah Sekolah Di Kawasan Kajang)*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaliah Kamal. 1993. *Kajian tentang pencapaian matematik tahun III Sekolah Rendah di Simpang Rengam*. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya
- Joharah Abdullah. 1999. *Hubungan Sikap dan Tingkah laku Bermasalah dengan pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar Kadazan Serta Bajau Di Kota Kinabalu, Sabah. Satu Kajian Kes. Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial*: Universiti Malaysia Sabah
- Lee Chuo Hiong. 2000. *Satu kajian tentang sikap, motivasi dan pencapaian murid tingkatan 4 di sebuah sekolah bandar dan luar bandar dalam mata pelajaran biologi di Sarikei, Sarawak*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia

Lo Vun Phing. 1998. *Pengaruh Faktor-faktor Jantina, umur dan Status Sosioekonomi Terhadap Minat Membaca Murid-murid Kelas Pemulihan: Satu Kajian Kes Di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Enam, Bandar Baru Bangi*. Universiti Kebangsaan Malaysia

Ooi Lin Chew. 1990. *Keberkesanan Kelas Tuisyen Persendirian Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah dalam Beberapa Mata Pelajaran yang terpilih*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia

Salimah Binti Mahdin. 2004. *Pelaksanaan dan Masalah Pengajaran Bacaan Dalam Kelas Pemulihan Sekolah-Sekolah Rendah Di Bahau Negeri Sembilan*. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya

Sharbani Abdul Ghani. 1999. *Pelaksanaan "Projek Tunas Wawasan" Program Pemulihan Khas Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gunung Bachok, Kelantan*. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya

e. Laman Web / Internet

Laporan Ekonomi. 2005. *Pengurusan Ekonomi Dan Prospek*. (online)
<http://www.treasury.gov.my/le2005/BAB%201.pdf> 21/07/2005

Projek Khas Model Pensiangan-Salinatan. (oneline) dlm.
http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=baca_akhbar&bhs=my&id=418
 Berita Harian, 17 Ogos 2005

f. Kamus

Kamus Dewan Edisi Ketiga. 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Eja 3000. 2002. Perisian penyemakan ejaan. The Name Technology Sdn. Bhd. Dan Dewan Bahasa dan Pustaka. (Perisian dilesenkan kepada: Khairuddin Jamal, SMK Bandau)

g. Akhbar

Kadir Dikoh. 2003. Pupuk pelajar cemerlang: PM mahu perubahan dasar dalam kurikulum. *Berita Harian*, 31 Disember: 1.